# Kertas Bil. 41/2020

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS**

**PADA 13 – 16 JULAI 2020**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY – SELCAT) BERHUBUNG PENILAIAN PRESTASI PBT DAN AHLI MAJLIS DI NEGERI SELANGOR**

**KERTAS BILANGAN 14/2020**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY – SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PENILAIAN PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN AHLI MAJLIS (AM) DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 13 JULAI HINGGA 16 JULAI 2020**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 14 / 2020 | **PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY – SELCAT*), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PENILAIAN PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN AHLI MAJLIS (AM) DI NEGERI SELANGOR** | 8.1 Jawatankuasa mencadangkan keperluan untuk mewujudkan satu garis panduan yang jelas berhubung dengan misi, visi, sasaran dan penyaluran peruntukan di setiap mesyuarat PBT dan Mesyuarat Penuh Bulanan yang diselaraskan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT). | | √ | Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan tetap kepada setiap PBT. Oleh yang demikian mekanisma penggunaan peruntukan adalah tertakluk kepada kemampuan PBT masing-masing. |
| | | 8.2 Jawatankuasa turut mencadang satu garis panduan yang jelas perlu disediakan oleh SPBT supaya AM memahami skop kerja masing-masing dan boleh berfungsi dengan lebih berkesan. | | √ | Garis panduan berkaitan Ahli Majlis PBT Negeri Selangor diwujudkan seperti:<br><br>i. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bil.1 Tahun 2017 – Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa |



Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Tempatan Negeri Selangor; dan<br><br>ii. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 4 Tahun 2019 – Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. |
| | | 8.3 SELCAT menyarankan agar perlaksanaan penilaian prestasi AM diwujudkan semula dengan mengambil kira aspek yang menyeluruh dan penilaian hendaklah dibuat oleh beberapa pihak supaya hasil penilaian lebih telus. | √ | | Kerajaan Negeri menyambut baik saranan SELCAT agar diwujudkan semula penilaian prestasi walau bagaimanapun memandangkan tempoh lantkan Ahli Majlis PBT akan tamat pada 31.12.2020 maka kaedah penilaian prestasi AM akan dirancang pada tahun 2021. |

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 8.4 Y.B. EXCO PBT perlu menetapkan senarai kelayakan minima yang perlu dimiliki untuk menjadi AM agar AM yang dilantik lebih kompeten dalam menjalankan tanggungjawab, peranan dan fungsi sebagai AM. | | √ | Melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 4 Tahun 2019 – Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah menetapkan syarat kelayakan pelantikan bagi seorang Ahli Majlis |
| | | 8.5 Jawatankuasa mencadangkan perlunya dipertimbangkan pilihanraya kerajaan tempatan (*local election*) yang mana AM sepatutnya dipilih oleh penduduk yang menduduki di kawasan tersebut dan bukannya melalui lantikan parti. | | √ | Kerajaan menyambut baik cadangan pilihan raya Kerajaan Tempatan walaubagimanapun kuasa pelaksanaan pilihan raya ini adalah tertakluk kepada kerajaan Persekutuan melalui Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976. |

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 8.6 PBT disarankan agar menetapkan kadar peratusan wajib hadir mesyuarat sebagai salah satu KPI AM dan mencadangkan kadar peratusan lulus diantara 75%-80%. Selain dari itu, prestasi penggunaan penuh peruntukan perlu dijadikan sebagai salah satu syarat lulus KPI kerana program yang dianjurkan dapat membuka ruang penglibatan dikalangan ADN, DB/YDP, AM dengan komuniti setempat. | √ | | Kehadiran mesyuarat sebagai salah satu KPI Ahli Majlis akan diteliti melalui Penilaian Prestasi Ahli Majlis seperti di para 8.3 |
| | | 8.7 Jawatankuasa mencadangkan agar pengarah boleh diberi peluang untuk berkhidmat di Jabatan yang lain untuk mendapatkan pengalaman yang baru dan meningkatkan motivasi pengarah memandangkan | √ | | Pergerakan secara dalaman (Jabatan yang berbeza) telah pun dilaksanakan di PBT Negeri Selangor Seperti di MPK dan MPKL. Dalam masa yang sama KPKT sedang meneliti kaedah yang bersesuaian agar pegawai2 di PBT dapat ditukarkan ke PBT |

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pengarah-pengarah yang sedia ada tidak boleh dinaikkan pangkat dan bertukar ke PBT yang lain. | | | lain (Negeri sama) dalam meningkatkan motivasi dan kemajuan kerjaya |
| | | 8.8 Jawatankuasa mencadangkan kehadiran ADN ke Mesyuarat Penuh PBT bukan sebagai pemerhati sebaliknya sebagai penyumbang saranan mengenai isu-isu dan permasalahan berbangkit di kawasan PBT atas kapasiti ADN namun tidak berhak mengundi dan membuat keputusan. | | √ | Keputusan MMKN ke 19/2019 yang diadakan pada 10.7.2019 yang telah disahkan pada MMKN 20/2019 pada 17.7.2019 telah bersetuju supaya semua Datuk Bandar dan Yang Dipertua, PBT mengadakan perjumpaan satu bulan sekali bersama YB Ahli Dewan Negeri untuk memaklumkan keputusan-keputusan dalam Mesyuarat Penuh PBT dan Mesyuarat OSC berkaitan pembangunan di semua kawasan YB Ahli Dewan Negeri berkenaan.<br><br>Selain itu Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Bil 3/2018 pada 28 September 2018 telah bersetuju agar |

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | setiap PBT mengadakan sesi engagement atau mesyuarat bersama ADUN dan Ahli Parlimen sebanyak 4 kali setahun bagi membuka ruang yang lebih terbuka dalam lontaran pendapat dan idea. |
| | | 8.9 Memperkasakan perkhidmatan PBT dan agensi yang lebih efektif dan mesra rakyat di mana kewajiban untuk menjawab aduan atau pertanyaan melalui surat atau saluran lain dalam tempoh 14 hari perlu dijadikan sebagai piagam dan dimasukkan dalam Pekeliliing Setiausaha Kerajaan Negeri. | √ | | Perkara ini telah diwujudkan seperti mana Selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bil 3 Tahun 2010 berkenaan Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam di mana semua aduan akan diambil tindakan dalam tempoh 15 hari. |

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 8.10 Jawatankuasa mencadangkan kerajaan negeri mewujudkan satu ketetapan baru kepada PBT untuk membuat jemputan khas kepada ADN atas kapasiti ADN menghadiri mesyuarat penuh PBT atas kapasiti ADN kawasan dan diberi hak bersuara sebagai pemberi sumbang saran/ mengemukakan pandangan yang direkodkan dalam minit mesyuarat. Namun ADN masih kekal tidak mempunyai hak untuk mengundi/membuat keputusan. | | √ | Adalah tidak praktikal sekiranya kebenaran bersuara diberikan kepada mana–mana pemerhati (seperti seorang ADUN) yang hadir di dalam mesyuarat PBT tetapi pandangan mereka tidak boleh dijadikan asas dalam membuat keputusan ini kerana berdasarkan Seksyen 26 Akta 171 kuasa memutus di dalam mesyuarat adalah terletak kepada Ahli Majlis yang hadir. |

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 8.11 SELCAT mencadangkan agar Laporan Pengisytiharan Harta semua Ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender di peringkat PBT dibentangkan di Mesyuarat Penuh PBT setiap tahun. | √ | | Perkara ini telah diwujudkan Selaras dengan keputusan MMKN ke 21/2018 pada 18 Julai 2018 Semua Ahli Majlis diwajibkan untuk mengisi Borang Pengisytiharan Kepentingan bagi Mesyuarat Penuh, Mesyuarat One Stop Centre (OSC) dan Mesyuarat Tender Di Pihak Berkuasa Tempatan. Borang hendaklah diisi setiap kali mesyuarat diadakan. |
| | | 8.12 SELCAT menyarankan agar kadar elaun tetap AM dikaji semula memandangkan tugas yang harus digalas amat luas. | √ | | Kerajaan Negeri mengambil maklum agar permohonan mennyemak semula elaun Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. |

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN